

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

11.11.2016

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

REACH ENERGY BERHAD (“REACH ENERGY”)

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Reach Energy, mesyuarat agung luar biasa (“EGM”) pada 4 November 2016 berkaitan cadangan pengambilalihan berkeelayakan dan cadangan penempatan (“Cadangan”) telah ditangguhkan atas arahan pemegang saham. Berikutan itu, syarikat mengumumkan ia akan mengadakan EGM yang ditangguhkan itu pada 16 November 2016.

[Sumber: Pengumuman Reach Energy di laman web Bursa Malaysia pada 4 November 2016 dan 7 November 2016]

KOMEN MSWG:

Reach Energy telah menangguhkan EGM berhubung cadangan pengambilalihan berkeelayakan itu. Penangguhan akan memberi lebih banyak masa kepada pemegang saham untuk mempertimbangkan dan menilai Cadangan itu. Kami berharap pemegang saham akan mengkaji semula pelaburan itu dengan mengambil kira situasi yang dihadapi oleh industri, potensi keuntungan atau kerugian berpandukan tahap risiko dan gaya pelaburan mereka. Sekiranya Lembaga Pengarah atau pihak pengurusan gagal mendapatkan mandat daripada para pemegang saham, mereka perlu mendapatkan aset lain yang layak sebelum Ogos 2017. Jika Cadangan ini tidak diluluskan, ia perlu dibubarkan.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Reach Energy Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mSWG.ceo@mSWG.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.